

(KERTAS : /2021)



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

**KERTAS PENILAIAN UNTUK PERTIMBANGAN
JAWATANKUASA SEBUT HARGA 'B'**

TAJUK:

**PERKHIDMATAN PENYEDIAAN VIDEO AMALAN TERBAIK BAGI PROGRAM
PERTANIAN KONTRAK MELALUI PERTANIAN KLUSTER CILI**

TEMPOH: APRIL - JULAI 2020 (4 BULAN)



LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA

PERKHIDMATAN PENYEDIAAN VIDEO AMALAN TERBAIK BAGI PROGRAM PERTANIAN KONTRAK MELALUI PERTANIAN KLUSTER CILI

APRIL - JULAI 2020 (4 BULAN)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Laporan ini bertujuan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga B bagi perkhidmatan penyediaan tiga (3) video amalan terbaik bagi pertanian kontrak melalui pertanian kluster cili. Perkhidmatan ini akan bermula dari bulan April sehingga Julai 2021.
- 1.2 Perkhidmatan ini akan menggunakan peruntukan AFPN-SPN sebanyak RM20,400 yang telah mendapat kelulusan BOM Bil. 122/2021 pada 27 Januari 2021 dan tambahan peruntukan MPB-AFPN sebanyak RM28,500.

2.0 LATAR BELAKANG PROGRAM

- 2.1 Pada tahun 2020 Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN) telah membangunkan satu modul latihan yang akan membantu dan memberi tunjuk ajar kepada para petani mengenai pertanian kontrak melalui pertanian kluster dengan lebih efektif.
- 2.2 Bagi memanfaatkan modul latihan tersebut, AFPN sedang menjalankan satu program Gerakan Nasional Pertanian Kontrak melalui Petani Kluster Cili yang mula dijalankan pada Mac 2021. Program ini dapat membantu para petani bertani secara berkumpulan bagi menghasilkan tanaman dalam kuantiti yang lebih banyak serta mendapatkan hasil lumayan dan tetap. Di bawah program ini, sejumlah 140 cili Farm Master akan diperakui dan dipersijilkan, 420 petani kluster akan dilatih, dan ladang berkluster seluas lebih 720 ekar akan diwujudkan di seluruh Malaysia.
- 2.3 Tujuan utama penghasilan video-video ini adalah untuk berkongsi mengenai program pertanian kontrak melalui pertanian kluster dalam tanaman cili. Video ini juga akan memberi fokus kepada penciptaan pekerjaan baru iaitu 'Farm Master' di mana pekerjaan ini boleh diceburi oleh semua orang dalam bidang dan bukan hanya bidang pertanian. Selain itu juga, video ini akan membuka minda para petani strategi perniagaan pertanian yang baru di mana bertani secara kumpulan/kluster adalah lebih baik daripada bertani secara bersendirian. Video ini akan dimuatnaik dalam youtube dan facebook Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN).

3.0 KAEDAH PENILAIAN TAWARAN

3.1 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga yang menilai tawaran-tawaran yang diterima adalah seperti berikut:

- (a) Pengerusi - Puan Nur Sulia Saari
- (b) Ahli 1 - Cik Nor Adira Adnan
- (c) Ahli 2 - En. Mohd Amirol Md. Khair

3.2 Sebanyak 3 sebut harga telah dinilai berdasarkan dokumen sebut harga yang dikemukakan di mana 3 kriteria utama telah digunakan bagi meneliti tawaran perkhidmatan iaitu:

- (a) Kriteria 1: Harga yang terendah
- (b) Kriteria 2: Menepati spesifikasi teknikal
- (c) Kriteria 3: Pengalaman dalam bidang berkaitan

4.0 JADUAL KERJA DAN PEMBAYARAN

4.1 Sebanyak 3 video amalan terbaik program akan dihasilkan bagi tujuan untuk berkongsi manfaat pertanian kontrak serta pertanian kluster kepada semua.

4.2 Berikut disertakan jadual kerja yang perlu dilaksanakan serta fasa pembayaran yang akan dibuat kepada pembekal

JADUAL 1: CARTA PERBATUAN

Bil	Perkara	April			Mei			Jun			Julai		
1.	Menyediakan kandungan video 1												
2.	Menyerahkan deraf pertama												
3.	Mengemaskini setelah mendapat komen/maklumbalas AFPN												
4.	Menyerahkan deraf kedua												
5.	Mengemaskini setelah mendapat komen/maklumbalas daripada AFPN												
6.	Menyerahkan deraf terakhir video pertama												
7.	Menyediakan kandungan video 2 & 3												
8.	Menyerahkan deraf pertama												
9.	Mengemaskini setelah mendapat komen/maklumbalas daripada AFPN												
10.	Menyerahkan deraf kedua												
11.	Mengemaskini setelah mendapat komen/maklumbalas daripada AFPN												
12.	Menyerahkan deraf terakhir video kedua & ketiga												

4.3 Pembayaran akan dibuat secara berfasa seperti jadual 2 di bawah.

JADUAL 2: FASA PEMBAYARAN

Bil.	Aktiviti	Fasa	Peratus pembayaran (%)
1.	Menyerahkan draf terakhir video 1 yang telah disahkan oleh pihak AFPN	1	30
2.	Menyerahkan draf terakhir video 2 & 3 yang telah disahkan oleh pihak AFPN	2	70

5.0 PENILAIAN SEBUT HARGA

5.1 Sejumlah tiga (3) pembekal telah dihubungi dan mengemukakan sebut harga. Jawatankuasa telah meneliti dan menganalisa kesemua sebut harga yang telah disediakan oleh pihak pembekal.

JADUAL 3: MATRIKS HARGA

AKTIVITI	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
Menyediakan video Contract Farming for Cluster Farmers Spesifikasi teknikal: i. Length: 3-4 minutes ii. Quality: HD iii. Output Video: 1080p iv. Format: MP4	(RM16,300/unit) x 3 video	(RM16,600/unit) x 3 video	(RM18,000/unit) x 3 video
JUMLAH	RM48,900.00	RM49,800.00	RM 54,000.00
GST (6%)	-	-	RM3,240.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM48,900.00	RM49,800.00	RM 57,240.00

**Hanya penyebut harga 3/3 mengenakan cukai perkhidmatan 6%*

5.2 Berdasarkan jadual matriks harga tersebut, harga tawaran terendah ialah **RM48,900.00** dan harga tertinggi adalah **RM 57,240.00**.

JADUAL 4: SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL.	SPESIFIKASI	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1.	Spesifikasi Teknikal: - Length: 3-4 minutes - Quality: HD - Output Video: 1080p - Format: MP4	Menepati spesifikasi yang diperlukan	Menepati spesifikasi yang diperlukan	Menepati spesifikasi yang diperlukan

JADUAL 5: PENGALAMAN DALAM BIDANG BERKAITAN

BIL.	PENGALAMAN	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1.	Pengalaman dalam bidang suntingan video	- INCEIF Corporate Video - SIRIM Corporate Video - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Corporate Video	CIDB myBIM Video	- SiPKA Montaj Video - Video Webinar AFPN

5.3 Kriteria pemilihan pembekal adalah seperti jadual 6.

JADUAL 6: KRITERIA PEMILIHAN PEMBEKAL

KRITERIA	SKOR		
	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
Harga yang terendah	3	2	1
Memenuhi spesifikasi	3	3	3
Pengalaman dalam bidang berkaitan	3	1	3
JUMLAH SKOR	9	6	7

Skor:

0 = Tiada rekod/ tidak menepati keperluan

1 = Tidak memenuhi spesifikasi

2 = Sederhana

3 = Memenuhi spesifikasi

5.4 Berdasarkan jadual matriks analisa, skor terendah adalah penyebut harga 2/3 dan skor tertinggi adalah penyebut harga 1/3.

6.0 KEPUTUSAN DAN SYOR

Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan Penyebut Harga 1/3 sebagai pembekal bagi perkhidmatan penyediaan tiga (3) video amalan terbaik bagi pertanian kontrak melalui pertanian kluster cili kerana menawarkan harga terendah, memenuhi spesifikasi dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan.

Disediakan oleh:




.....
Nama: Nur Fatimah Mohd Zaki
Jawatan: Penolong Pengurus
Tarikh: 6 April 2021

Disemak oleh:



.....
Nama: Safura Abdul Malek
Jawatan: Pengurus
Tarikh: 6 April 2021

DISYORKAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Disyorkan:	Disyorkan:	Disyorkan:
		
Nama: Nur Sulia Saari Pengerusi JPH Tarikh: 7 April 2021	Nama: Nor Adira Adnan Ahli JPH Tarikh: 7 April 2021	Nama: Mohd Amiroi Md. Khair Ahli JPH Tarikh: 7 April 2021
Komen/ cadangan: <i>Disokong</i>	Komen/ cadangan: <i>Disokong</i>	Komen/ cadangan: <i>Disokong</i>